

BAB I

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pendidikan di negara ini memang telah mengalami satu perubahan yang drastik terutamanya selepas negara ini mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 kira-kira 40 tahun yang lalu. Perubahan dalam bidang pendidikan ini lebih-lebih dirasai pada tiga dekad yang lalu iaitu bermula dari tahun 60-an lagi. Melangkah ke tahun 1980-an, KBSR mula diperkenalkan di negara ini pada tahun 1982 dan telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di semua sekolah di negara ini pada tahun 1983. Seterusnya pada tahun 1988, KBSM mulai diperkenalkan bagi mata pelajaran bahasa. Mulai tahun 1989, KBSM diperluaskan kepada semua sekolah menengah di seluruh negara dan meliputi semua mata pelajaran.

KBSR diperkenalkan bertujuan untuk memastikan semua pelajar setelah enam tahun belajar di sekolah dapat membaca, menulis dan mengira sebagaimana yang diharapkan Kementerian Pendidikan. Walupun penekanan adalah kepada membaca, menulis dan mengira (3M), Kementerian Pendidikan tidaklah lupa akan penerapan nilai-nilai murni kepada para pelajar. Untuk ini Pusat Perkembangan Kurikulum telah mengenal pasti 16 nilai-nilai murni yang akan ditampilkan dan seterusnya diterapkan ke dalam jiwa kanak-kanak sekolah rendah. Ini dilakukan menerusi satu usaha yang dipanggil penerapan nilai-nilai murni merentas kurikulum.

Penerapan nilai-nilai murni merentas kurikulum adalah satu usaha untuk menerapkan nilai-nilai murni melalui semua mata pelajaran di sekolah. Sebelum ini, penerapan nilai murni adalah menerusi mata pelajaran Siviks sahaja. Melalui Siviks, para pelajar diajar nilai-nilai murni yang perlu diamalkan. Bagi mata pelajaran yang lain, contohnya Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Sains, Matematik dan sebagainya, yang ditekankan cuma pengetahuan sahaja. Guru-guru mata pelajaran bahasa, Sains dan sebagainya tidaklah dipertanggungjawabkan untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar. Sistem ini adalah kurang berkesan sebab penerapan nilai-nilai murni cuma dibebankan kepada guru-guru Siviks sahaja. Yang memburukkan keadaan lagi ialah mata pelajaran Siviks dianggap kurang penting sebab Siviks tidak merupakan mata pelajaran peperiksaan. Ini menyebabkan para pelajar mempelajari subjek ini secara sambil lewa sahaja.

Keadaan pelajar tidak meminati Siviks akhirnya disedari Kementerian Pendidikan. Untuk mengatasi masalah ini, Mulai tahun 1982 Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan sistem penerapan nilai merentas kurikulum. Di bawah sistem ini, penerapan nilai murni tidak lagi hanya menjadi tanggungjawab guru Pendidikan Moral sahaja, tetapi adalah menjadi tanggungjawab semua guru, dan semua mata pelajaran juga diperlukan untuk menampilkan nilai-nilai murni sebagaimana yang ditugaskan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral.

Sehingga ini, usaha menerapkan nilai-nilai murni menerusi semua mata pelajaran di sekolah ini telah dilakukan lebih daripada 15 tahun, akan tetapi kesannya tidak begitu memuaskan. Ini bermaksud hasrat kerajaan yang mahu melahirkan pelajar-pelajar yang bermoral itu tidak tercapai. Ini jelas terbuktii kerana disiplin pelajar dan anak-anak muda yang semakin merosot dewasa ini. Kadar jenayah yang melibatkan pelajar dan juga anggota masyarakat (yang satu ketika dahulu juga adalah pelajar) semakin meningkat. Sebagai contoh, akhbar Nanyang Siang Pau pada 14 Januari 1998 telah melaporkan satu kes rogol dan pembunuhan yang dilakukan oleh 3 orang pelajar. Pada 19 Januari 1998, akhbar Sin Chew Jit Poh melaporkan polis telah menumpaskan satu sindiket mencuri motosikal yang terdiri daripada 6 orang pelajar. Pada 27 Januari 1998, akhbar New Straits Time melaporkan seorang pelajar kolej telah membunuh ibunya dan setelah itu cuba untuk membunuh ayahnya lagi. Ini adalah beberapa contoh yang melibatkan pelajar-pelajar yang masih berada di bangku sekolah. Memang bukan setakat ini sahaja kes-kes jenayah yang dilakukan pelajar, malah lebih banyak lagi perbuatan-perbuatan yang salah di sisi undang-undang yang dilakukan pelajar-pelajar. Hakikat ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar dewasa ini semakin menjadi manusia yang tidak berdisiplin.

Usaha penerapan nilai murni merentas kurikulum ini nampaknya tidak begitu berkesan. Pelajar-pelajar hari ini bukan sahaja tidak menjadi insan yang lebih bermoral, sebaliknya moral di kalangan pelajar semakin merosot. Maka di manakah terjadi silapnya? Adakah buku-buku teks semua mata pelajaran benar-benar berjaya

menampilkkan nilai-nilai murni sebagaimana yang diharatkan oleh Kementerian Pendidikan negara ini ?

1.2 Pernyataan Masalah

Untuk meneliti adakah buku-buku teks benar-benar menonjolkan nilai-nilai murni sebagaimana yang dikehendaki Kementerian Pendidikan negara ini, maka satu analisis kandungan terhadap buku teks perlu dijalankan. Setakat ini didapati ada usaha telah dijalankan menuju ke arah ini. Sebagai contohnya, Siow dan Loke (1991) telah mengkaji bagaimanakah status komponan nilai-nilai murni dalam Sains Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) dan implikasinya ke atas KBSM. Di samping itu analisis dan kajian juga telah dibuat atas kandungan nilai-nilai murni dalam teks Bahasa Melayu. Namun begitu setakat ini masih belum ada kajian dibuat terhadap kandungan nilai-nilai murni dalam teks Bahasa Cina. Maka inilah sebabnya pengkaji mencuba meneliti akan kandungan teks Bahasa Cina untuk melihat sejauh manakah penampilan nilai-nilai murni dilakukan.

Sifat kerajaan yang amat menitikberatkan nilai-nilai murni bukan sahaja dapat dilihat dari hasrat kerajaan yang ingin menerapkan nilai-nilai ini melalui Wawasan 2020 dan kempen Penerapan Nilai-nilai Murni, malahan Kementerian Pendidikan juga mengambil langkah yang sama bagi mencapai tujuan dan hasrat ini. Pada tahun 1983, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) di semua sekolah di seluruh negara. KBSR ini dibentuk berdasarkan perakuan 57 (a) Laporan Kabinet 1979 yang berbunyi :

"kurikulum sekolah rendah hendaklah dirancang untuk membolehkan murid-murid mencapai kemahiran dalam tiga bidang asas iaitu bidang komunikasi, bidang manusia dengan alam sekelilingnya dan bidang perkembangan diri individu sesuai dengan keperluan, minat, bakat dan kemampuan mental serta kesediaan murid-murid itu." (m.s.242)

Matlamat KBSR pada dasarnya ialah untuk melahirkan insan yang mempunyai perkembangan diri yang menyeluruh dan seimbang, tidak hanya dalam sifat fizikal atau rohaniah, tetapi kedua-duanya sekali. Secara ringkas KBSR berhasrat membolehkan murid-murid :

- i. menguasai kemahiran komunikasi, membaca, menulis dan mengira;
- ii. menguasai kemahiran belajar;
- iii. mempunyai pengetahuan, kefahaman, minat serta kepekaan terhadap manusia dan alam sekitar;
- iv. mempunyai minat dan bakat dalam aktiviti kesenian dan rekreatif.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini mempunyai tiga tujuan. Tujuan-tujuan ini ialah :

- i. Untuk meninjau sama ada 16 nilai murni kategori utama yang perlu dan harus disemaiakan kepada para pelajar terkandung di dalam buku teks Bahasa Cina KBSR Tahun 2 itu.
- ii. Untuk meninjau nilai-nilai murni yang harus diterapkan itu diberi penekanan yang sewajar, dan sama ada berlakunya ketidakseimbangan dalam penerapan nilai-nilai murni itu.
- iii. Mengemukakan cadangan-cadangan yang praktis kepada pihak berkenaan sekiranya terdapat kelemahan-kelemahan dalam buku teks berkenaan.

Berdasarkan tiga tujuan kajian di atas, secara lebih spesifik, 3 soalan kajian telah dibentuk :

- i. Sejauhmana 16 kategori nilai-nilai murni yang perlu diterapkan hadir dalam buku-buku teks Bahasa Cina KBSR Tahun 2 ?
- ii. Adakah berlakunya ketidakseimbangan atau kecinciran dalam penyusunan 16 kategori nilai-nilai murni dalam buku teks itu ?
- iii. Bagaimana caranya nilai-nilai murni ditampilkan dalam buku teks yang dikaji itu?

1.4 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada penganalisisan secara terperinci sebuah buku teks yang dipilih. Teks yang dipilih ialah buku teks Bahasa Cina Tahun 2 terbitan "The Malaya Press Sdn Bhd cetakan 1996. Oleh kerana satu teks sahaja digunakan, maka dapatkan kajian mungkin tidak dapat digeneralisasikan.

1.5 Kepentingan Kajian

Difikirkan kajian ini perlu dijalankan sebab hasil dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan dari segi berikut :

- (I) Sekiranya dapat menunjukkan satu ketidakseimbangan atau kecinciran penerapan nilai-nilai murni telah berlaku, maka dapatlah disedarkan Kementerian Pendidikan agar satu pengubahsuaian atau penerbitan semula buku teks dapat dibuat.
- (ii) Sebagai seorang pensyarah di maktab perguruan, pengkaji berharap dapat menyedarkan guru-guru pelatih yang bakal menjadi guru Bahasa Cina kelak mengetahui kekurangan-kekurangan buku teks berkenaan..
- (iii) Agar penulis-penulis buku teks Bahasa Cina lebih berhati-hati semasa menulis buku teks dan dapat memasukkan nilai-nilai murni yang dicadangkan itu dengan memberi penekanan yang lebih kepada unsur keseimbangan itu.

- (iv) Dapat menolong pihak yang terlibat dalam pemilihan buku teks memilih buku teks yang sesuai untuk kegunaan pelajar-pelajar sekolahnya.
- (v) Dapat dijadikan asas kepada bakal-bakal pengkaji untuk meneruskan penyelidikan lanjut dalam bidang yang berkaitan.

1.6 Definisi Istilah

i. Buku Teks

Buku teks ialah buku yang digunakan oleh pelajar-pelajar di dalam kelas semasa Pengajaran dan Pembelajaran berjalan. Ia merupakan satu sumber rujukan penting untuk murid dan guru dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran.

ii. KBSR

KBSR ialah singkatan untuk Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Ia merupakan satu sistem pendidikan baru yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 1983 bagi menggantikan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) yang difikirkan telah usang dan tidak berupaya menjamin mutu pendidikan yang baik. KBSR lahir akibat perakuan Laporan Kabinet 1979 yang menegaskan penguasaan kemahiran 3 M, iaitu membaca, menulis dan mengira.

iii Nilai Murni Kategori Utama

Nilai murni adalah nilai moral yang baik yang mahu diterapkan kepada pelajar-pelajar negara kita. Terdapat 16 kategori nilai utama berdasarkan nilai-nilai yang telah dikenalpasti dan diperakukuan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Nilai-nilai murni kategori utama ini termasuklah sikap rajin, adil, hormat, semangat bermasyarakat, jujur, bersih, baik hati, sederhana, kerjasama, berdikari, kebebasan, kasih sayang, kesyukuran, hemah tinggi, keberanian, dan rasional.

iv. Nilai-Nilai Murni Sub kategori

Nilai-nilai Murni sub kategori merupakan nilai murni yang berpecah daripada 16 nilai murni kategori utama itu. Sebagai contoh nilai murni utama sikap rajin ini ada mengandungi sub kategori nilai daya usaha dan dedikasi. .

v. KLSR

KLSR adalah singkatan bagi Kurikulum Lama Sekolah Rendah. Kurikulum lama in kini digantikan dengan KBSR.